

PENGUNAAN WARNA DAN SIMBOL (W&S) DALAM KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF JAWIBAGI TAHUN 3

Oleh

MD.HIDAYAT BIN OTHMAN
mdhidayat2u@gmail.com

ABSTRAK

Tujuan penyelidikan tindakan ini dijalankan ialah untuk menilai keberkesanan penggunaan Warna dan Simbol (W&S) dalam menyelesaikan masalah murid lemah ketika menyambung huruf Jawi. Kajian ini telah dilaksanakan di SK Perupok (bukan nama sebenar) di Kuching, Sarawak. Peserta kajian terdiri daripada 3 orang murid dari Tahun 3 Allamanda yang memperoleh markah terendah bagi kemahiran menyambung huruf Jawi yang dilakukan pada semester pertama. Data dikumpulkan melalui kaedah soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil analisis data mendapati ketiga-tiga peserta kajian menunjukkan peningkatan markah yang ketara dalam ujian akhir. Mereka telah memperoleh markah penuh dalam ujian akhir yang menunjukkan jumlah peningkatan markah yang sangat tinggi. Selain itu peserta kajian merasa seronok ketika menggunakan (W&S). Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan (W&S) sangat berkesan dalam membantu murid lemah dalam kemahiran menyambung huruf Jawi disamping memupuk rasa minat murid terhadap pelajaran Jawi.

Kata kunci: Warna dan Simbol (W&S), murid lemah, kemahiran menyambung huruf Jawi.

ABSTRACT

The purpose of this research studies is to determine the effectiveness of Colour and Symbol (C&S) in solving weak students in mastering the joining of Jawi letters. This research was done in the first semester, and was conducted at the SKPerupok (not the real name) in Kuching, Sarawak. This research consisted of three participants, students from Year 3 Allamanda, who scored lowest mark in joining the Jawi letters. To obtain the data of this study, the researcher used Analysis methodology by distributing questionnaires, conducting interviews, made observations, and analysis of documents. Results of this analysis show that the three participants in the research made significant improvement in their final test. They earned perfect scores in the final test that shows the improvement and this is very encouraging. In addition, the research participants felt excited using (C&S) in the learning process. The results show that, the using of (C&S) is very effective in helping the weak students in joining the Jawi letters. It also, cultivates and encourages their interest in Jawi's subject.

Keywords: Colour and Symbol (C&S), weak students, mastering the joining of Jawi letters,

PENDAHULUAN

Konteks

Siapa saya? Saya merupakan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak dan telah menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan (SK) Perupok (bukan nama sebenar). Sekolah ini merupakan praktikum kali yang ketiga bagi saya. Semasa berpraktikum di sekolah ini, saya telah diamanahkan untuk mengambil alih tugas mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam tahun 3 Allamanda dan 3 Bourgainvilla selama tiga bulan.

SK Perupok (bukan nama sebenar) merupakan sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan yang berada di pusat bandar raya Kuching. Sekolah ini mempunyai 18 buah kelas di mana setiap tahun terdiri daripada tiga buah kelas iaitu Allamanda (A), Bourgainvilla (B) dan Carnation (C). Setiap kelas mempunyai jumlah murid dalam lingkungan 30 – 35 orang. Saya telah memilih sekolah ini untuk menjalani praktikum kali ketiga selama tiga bulan seterusnya internship selama sebulan.

Kelas Tahun 3 Allamanda terdiri daripada 31 orang murid (15 lelaki dan 16 perempuan) yang mempunyai tahap pencapaian yang baik dalam pelajaran berbanding kelas 3B dan 3C. Murid-murid kelas ini tinggal berhampiran dari sekolah ini dan tidak lebih daripada 10 km jarak dari rumah ke sekolah. Beberapa orang murid dikenal pasti mempunyai masalah dalam kemahiran menyambung huruf Jawi walaupun mempunyai tahap pencapaian yang dalam baik dalam mata pelajaran yang lain.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam bidang Jawi saya mendapati beberapa orang murid bermasalah dalam kemahiran menyambung huruf Jawi. Sewaktu saya meminta murid Tahun 3 Allamanda menyambung huruf Jawi menjadi perkataan, saya berasa amat terkejut kerana saya mendapati beberapa orang murid tidak mampu menyambung huruf-huruf dengan betul. Sebagai contoh huruf *alif* (ا) dan *lam* (ل) disambung keduanya, kelihatan seolah-olah ada dua huruf *lam* (ل). Murid-murid kelihatan lemah dalam kemahiran menyambung huruf-huruf Jawi.

Kebanyakan murid tidak tahu membezakan huruf yang boleh disambung dan juga huruf yang boleh disambung. Selain itu, mereka tidak mampu menyambung huruf yang seharusnya berubah bentuk huruf seperti huruf *jim* (ج), *ha* (ح), *kho* (خ), *cha* (چ), *ain* (ع), *ghain* (غ) dan *nga* (ڠ). Huruf-huruf ini akan berubah-ubah bentuk ketika berada di hadapan, tengah dan hujung perkataan. Apabila saya bertanya kepada murid tentang keadaan ini, kebanyakan jawapan yang diberikan adalah “kami tak tahu huruf yang boleh sambung dan tak boleh sambung...”. Ada pula jawapan yang diberikan murid, “Ustaz, jawi belajar 30 minit sahaja, belajar sambung huruf beberapa kali sahaja...”. Satu sudut pula ada murid yang mengatakan menyambung huruf Jawi adalah satu kemahiran Jawi yang paling susah.

Fokus Kajian

Fokus kajian saya adalah penggunaan Warna dan Simbol (W&S) dalam pengajaran Jawi yang melibatkan kemahiran menyambung huruf Jawi bagi Tahun 3. Dalam kemahiran menyambung huruf Jawi terdapat dua jenis huruf iaitu huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung. Untuk huruf tidak boleh sambung, murid terkeliru

adakah huruf tersebut disambung ataupun tidak. Manakala bagi huruf sambung murid-murid kerap kali terkeliru disebabkan oleh bentuk huruf sambung apabila berada di hadapan, tengah dan hujung perkataan. Mereka akan mengambil masa yang lama untuk menyambung huruf tersebut. Kesalahan umum murid ialah menyambung huruf tidak boleh sambung dan tidak tahu bentuk huruf sambung apabila berada di hadapan, tengah dan hujung perkataan.

Semasa saya melaksanakan praktikum fasa 3 di SK Perupok (bukan nama sebenar), saya mengajar Jawi Tahun 3 Allamanda yang mana 100 peratus (%) adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Tahap pencapaian murid dalam kelas ini juga amat baik berbanding kelas yang lain. Untuk kemahiran menyambung huruf Jawi, beberapa orang murid melakukan kesalahan dalam kemahiran menyambung huruf Jawi. Mereka gagal memahami konsep atau cara menyambung huruf Jawi dengan betul.

Di sini saya mendapati bahawa murid hilang minat semasa pelajaran Jawi dijalankan terutamanya apabila murid mendapati mereka gagal menyambung huruf Jawi dengan betul. Mereka berasa soalan yang diberikan sukar untuk dijawab dan mereka didapati cuai ketika menyambung huruf Jawi. Pengajaran berasaskan 'Chalk & Talk' oleh saya sukar difahami dan menyebabkan murid kerap kali terkeliru semasa menyambung huruf Jawi.

Untuk memahami kelemahan murid, saya telah menjalankan satu temu bual ringkas dengan mereka. Melalui temu bual, murid-murid menyatakan kemahiran menyambung huruf Jawi adalah sukar kerana mereka kurang faham dan keliru dengan bentuk-bentuk huruf apabila bersambung. Saya juga telah membuat perbincangan dengan beberapa orang guru. Mereka berpendapat bahawa murid-murid mempunyai minat belajar sekiranya mereka mudah memahami pelajaran. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar yang beraneka warna mampu menarik minat murid untuk belajar.

Setelah difikir-fikirkan saya telah memilih penggunaan Warna dan Simbol (W&S) bagi membantu murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana penguasaan Jawi dalam kalangan murid-murid Tahun 3 Allamanda di SK Perupok (bukan nama sebenar) di kawasan Kuching seiring dengan penguasaan mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus.

Objektif Umum

- a) Penambahbaikan kualiti pengajaran guru dalam bidang Jawi.
- b) Mendapatkan gambaran sebenar keberkesanan kaedah Warna dan Simbol (W&S) dalam kemahiran menyambung huruf Jawi.
- c) Meningkatkan minat murid terhadap tulisan Jawi.

Objektif Khusus

- a) Mengetahui sejauh manakah kefahaman murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi berdasarkan kaedah Warna dan Simbol (W&S) berbanding kaedah '*Chalk and Talk*'.
- b) Mengetahui prestasi murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi setelah kaedah Warna dan Simbol (W&S) diperkenalkan.
- c) Mengkaji amalan pedagogi guruyang sesuai dalam kemahiran menyambung huruf Jawi menggunakan kaedah Warna dan Simbol (W&S).

Persoalan Kajian

Secara umumnya saya ingin melihat tiga persoalan pokok yang utama iaitu:

- a) Bagaimanakah kefahaman murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawiberdasarkan kaedah Warna dan Simbol (W&S) berbanding kaedah '*Chalk and Talk*'?
- b) Bagaimanakah prestasi murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi setelah kaedah Warna dan Simbol (W&S) diperkenalkan?
- c) Adakah amalan pedagogi gurusesuai ketika menggunakan Warna dan Simbol (W&S) dalam kemahiran menyambung huruf Jawi?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Sebelum saya menggunakan kaedah Warna dan Simbol (W&S), saya terlebih dahulu menggunakan kaedah '*Chalk & Talk* (C&T)' dalam pengajaran kemahiran menyambung huruf Jawi. Saya menggunakan (C&T) ini adalah untuk menguji keberkesanan penggunaan kaedah ini dalam kemahiran menyambung huruf Jawi. Adalah penting bagi memastikan sejauh manakah keberkesanan penggunaan (C&T) sebelum penggunaan (W&S) diperkenalkan.

Setelah kaedah (C&T) digunakan, seterusnya saya menggunakan hanya simbol (+) bermaksud huruf sambung dan (-) bermaksud huruf tidak boleh sambung bagi membantu murid membezakan huruf yang boleh disambung dan huruf yang tidak disambung. Bagi kaedah ini saya masih lagi menggunakan pen *marker* berwarna hitam untuk menulis huruf Jawi, manakala simbol pula ditulis menggunakan pen *marker* berwarna hitam untuk simbol (+) dan pen *marker* berwarna merah untuk simbol (-). Sedikit penambahan warna pada pen *marker* bagi membantu murid peka semasa melihat simbol yang digunakan.

Pelaksanaan Tindakan

Dalam pelaksanaan tindakan saya, saya telah mengemukakan beberapa langkah semasa penggunaan *Chalk & Talk* (C&T), Simbol (+) & (-), dan Warna dan Simbol (W&S). Langkah-langkah yang ditunjukkan bagi setiap kaedah merupakan aktiviti yang dijalankan oleh guru dan murid. Pelaksanaan penyelidikan tindakan adalah seperti berikut.

Penggunaan Chalk & Talk (C&T).

Langkah 1:

Guru menerangkan huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung di hadapan kelas. Murid hanya mendengar penerangan guru dan bertanya apabila kurang faham.

Langkah 2:

Guru menulis beberapa huruf di papan putih atau papan hitam seterusnya menyambung huruf-huruf tersebut. Murid menyalin semula huruf-huruf yang telah disambung oleh guru.

Langkah 3:

Guru memberi latihan kepada murid. Murid menjawab soalan dengan menyambungkan huruf-huruf menjadi sebuah perkataan.

Penggunaan Simbol (+) dan (-) sahaja.

Langkah 1:

Guru menerangkan huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung di hadapan kelas menggunakan simbol (+) dan (-). Murid dikehendaki melihat simbol secara teliti dan bertanya apabila kurang faham.

Langkah 2:

Guru menulis beberapa huruf dan simbol di hadapan kelas. Guru menyatakan simbol (+) boleh disambung dan simbol (-) tidak boleh disambung. Guru menyambung huruf-huruf tersebut berserta penerangan ketika menyambung huruf. Murid dipanggil ke hadapan untuk mencuba sendiri menyambung huruf-huruf berpandukan simbol yang diberikan. Murid menyalin semula huruf-huruf yang disambung oleh guru dan murid.

Langkah 3:

Guru memberi latihan kepada murid. Murid menjawab soalan dengan menyambungkan huruf-huruf menjadi sebuah perkataan. Soalan yang diberikan mempunyai panduan simbol (+) dan (-).

Penggunaan Warna dan Simbol (W&S)

Langkah 1:

Guru menerangkan huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung di hadapan kelas menggunakan simbol (+) dan (-). Selain itu guru juga menerangkan konsep warna yang digunakan iaitu hitam, merah, biru dan hijau.

- Warna **hitam** mewakili huruf sambung **tanpa mengubah bentuk huruf**.
- Warna **merah** mewakili huruf yang **tidak boleh disambung selepasnya**.
- Warna **biru** mewakili huruf sambung yang mempunyai bentuk yang sama. Digelar **huruf bersaudara** iaitu Jim, Ha', Kho', Cha, Ain, Ghain, Nga.
- Warna **hijau** mewakili huruf sambung yang berlainan bentuk ketika berada di hadapan, tengah dan hujung perkataan. Huruf ini digelar **huruf unik** iaitu Mim, Ha, Ya,

Murid dikehendaki melihat simbol dan warna secara teliti dan bertanya apabila kurang faham.

Langkah 2:

Guru menulis beberapa huruf berwarna dan simbol di hadapan kelas. Guru menyatakan simbol (+) boleh disambung dan simbol (-) tidak boleh disambung. Guru menyambung huruf-huruf tersebut berserta penerangan ketika menyambung huruf berwarna. Murid dipanggil ke hadapan untuk mencuba sendiri menyambung huruf-huruf berpandukan simbol dan warna yang diberikan. Murid menyalin semula huruf-huruf yang disambung oleh guru dan murid.

Langkah 3:

Guru memberi latihan kepada murid. Murid menjawab soalan dengan menyambungkan huruf-huruf menjadi sebuah perkataan. Soalan yang diberikan mempunyai panduan simbol (+) dan (-) berserta warna huruf.

Semasa saya menggunakan (W&S) dalam pengajaran, saya membekalkan nota ringkas kepada murid untuk dijadikan rujukan agar murid mampu mengingat dan memahami konsep warna dengan memerhatikan setiap warna yang dilihat. Jadual 1 menunjukkan jadual pelaksanaan bagi penyelidikan tindakan saya.

Jadual 1: Pelaksanaan Tindakan

Tarikh / Hari	Aktiviti
25 Jun 2012 (Isnin)	Taklimat kepada peserta kajian
26 Jun 2012 (Selasa)	Pengajaran <i>Chalk & Talk</i>
2 Julai 2012 (Isnin)	Pengajaran Simbol (+) & (-)
9 Julai 2012 (Isnin)	Pengajaran Warna dan Simbol (W&S) I
16 Julai 2012 (Isnin)	Pengajaran Warna dan Simbol (W&S) II
17 Julai 2012 (Selasa)	Soal selidik kepada murid
19 Julai 2012 (Khamis)	Temu bual dengan peserta kajian

METODOLOGI

Peserta Kajian

Peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada sampel terpilih yang memenuhi kriteria yang dikehendaki dalam kajian berbentuk '*purposive sampling*'. Saya telah memilih tiga orang murid daripada 31 orang murid di dalam kelas Tahun 3 Allamanda dari SK Perupok Kuching. Ketiga-tiga orang murid ini menghadapi masalah yang sama iaitu masalah dalam kemahiran menyambung huruf Jawi. Saya memberika nama samaran kepada mereka iaitu Dollah, Dadali dan Farah. Jadual 2 menunjukkan peserta kajian bagi penyelidikan tindakan saya.

Jadual 2: Ciri-ciri Peserta Kajian Penyelidikan Tindakan

Murid-murid	Ciri-ciri Murid
Dollah	Lelaki. Pencapaian akademik Dollah baik. Bercermin mata. Merupakan seorang yang suka bercakap. Lahir pada 18 Mac 2003. Bermasalah menyambung huruf Jawi.
Dadali	Lelaki. Pencapaian akademik Dadali sederhana. Tidak bercermin mata. Merupakan seorang yang suka bercakap. Lahir pada 28 Julai 2003. Bermasalah menyambung huruf Jawi.
Farah	Lelaki. Pencapaian akademik Farah baik. Tidak bercermin mata. Merupakan seorang yang pendiam. Lahir pada 17 Jun 2003. Bermasalah menyambung huruf Jawi.

Dollah secara keseluruhannya tidak mengetahui huruf yang boleh disambung dan huruf yang tidak boleh disambung. Dia kerap kali terkeliru dan lambat untuk menyambung huruf-huruf yang diberikan oleh guru untuk disambungkan menjadi sebuah perkataan. Dadali pula lebih kurang masalah dengan Dollah. Dadali menyatakan dia kurang yakin ketika menyambung huruf Jawi. Berlainan dengan Farah di mana dia hanya terkeliru pada huruf alif dan kaf sahaja. Dia mahir dalam menyambung huruf Jawi namun sering kali mengulangi kesalahan ketika menyambung pada huruf alif dan kaf.

Peserta kajian ini turut melibatkan saya selaku penyelidik penyelidikan tindakan ini. Hal demikian kerana saya turut terlibat dalam penyelidikan tindakan ini secara langsung. Tujuannya adalah untuk menambah baik amalan pedagogi dan amalan sendiri saya sebagai guru Pendidikan Islam Tahun 3 dalam kemahiran menyambung huruf Jawi yang melibatkan penggunaan Warna dan Simbol (W&S).

Etika Penyelidikan

Etika dalam penyelidikan merupakan aspek yang perlu diberi perhatian kerana hak semua pihak sama ada guru, murid, ibu bapa dan pentadbir perlu dihormati. Etika penyelidikan dapat melindungi kepentingan semua pihak daripada dieksploitasi oleh mereka yang ingin mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.

Berikut adalah etika penyelidikan yang dipertimbangkan dan ditekankan oleh saya sepanjang melakukan penyelidikan.

- 1) Memaklumkan kepada 'penjaga organisasi' (*gate keepers*), peserta kajian dan sesiapa yang terlibat dalam penyelidikan ini tentang rancangan penyelidikan.
- 2) Menghormati hak peserta kajian kepada anonimiti dan kerahsian (*anonymity and confidentiality*)
- 3) Berkongsi dapatan kajian dengan semua yang terlibat dengan penyelidikan tindakan ini.
- 4) Peserta kajian dan ibu bapa perlu menandatangani surat persetujuan jika mengumpul data daripada murid terutamanya apabila data ini akan dipamerkan kepada orang ramai.
- 5) Tidak mempermainkan peserta kajian seperti mencelah percakapan peserta kajian untuk mempengaruhi pandangan mereka.

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini empat kaedah pengumpulan data yang dilakukan iaitu pemerhatian, soal selidik, temu bual dan analisis dokumen.

Pemerhatian.

Pemerhatian melibatkan tingkah laku murid semasa pengajaran guru menyambung huruf Jawi. Pemerhatian akan disusuli dengan soal selidik dan temu bual. Kemudiannya ditriagulasikan untuk mendapatkan kesahan.

Soal selidik

Soal selidik yang merangkumi latar belakang murid, minat murid terhadap Jawi, pencapaian murid dalam peperiksaan Pendidikan Islam dan Jawi, cara murid belajar Jawi dan cara guru mengajar Jawi.

Temu bual

Temu bual dijalankan terhadap peserta kajian yang dipilih. Soalan berkenaan tahap menguasai huruf sambung ditanyakan. Selain itu perasaan peserta kajian akan ditanya setelah mengikuti aktiviti P&P berasaskan (W&S).

Analisis Dokumen

Saya melakukan analisis dokumen pada ujian yang dilakukan semasa pengajaran menggunakan *Chalk & Talk* (C&T), Simbol, serta Warna dan Simbol (W&S). Dokumen ini dianalisis dan mencari huruf yang tidak disambung dengan betul oleh murid.

Kaedah Penganalisan Data

Saya mengumpulkan data yang banyak dan data tersebut dianalisis dan disusun atur kepada pola, kategori atau tema tertentu dan kemudian menginterpretasi maklumat tersebut dengan menggunakan skema tertentu. Proses ini menghasilkan analisis peringkat tinggi serta gambaran yang lebih besar dan bersepadu.

Data-data kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk jadual-jadual maklumat berbentuk tabular. Ia bertujuan untuk menunjukkan perhubungan antara kategori-kategori maklumat, menunjukkan kategori-kategori oleh informan, tapak, susunan maklumat mengikut masa, susunan peranan dan lain-lain kemungkinan.

Secara umumnya lapan langkah asas dilakukan. (Rujuk Jadual 3)

Jadual 3: Langkah asas analisis data

Langkah 1	Mendapatkan gambaran keseluruhan melalui bacaan transkrip dan menulis idea-idea yang timbul dari semasa ke semasa.
Langkah 2	Pilih transkrip terbaik, pendek dan padat dan mencari makna dibaliknya khususnya yang tersurat.
Langkah 3	Sediakan senarai semua topik, kelompokkan mengikut topik yang sama dan bentukkan mengikut lajur.
Langkah 4	Kembalikan kepada data selanjutnya dan tukarkan data ke dalam kod-kod tertentu dan segmen yang sesuai dalam transkrip. Gunakan kaedah yang sama untuk data seterusnya untuk melihat kategori atau kod baru wujud daripada data.
Langkah 5	Lihat topik yang mempunyai diskripsi yang jelas dan jadikananya kategori-kategori.
Langkah 6	Membuat keputusan muktamad tentang abreviasi untuk setiap kategori dan jadikan kod dengan huruf tertentu.
Langkah 7	Kumpulkan data mengikut kategori tertentu dan jalankan analisis
Langkah 8	Jika perlu buat pengkodan semula ke atas data yang sedia ada.

Kaedah Penyemakan Data

Triangulation atau triangulasi digunakan untuk mengesahkan hasil dapatan dan keputusan penyelidikan yang dijalankan secara kualitatif. Tujuan triangulasi adalah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif iaitu dengan mendapatkan data daripada punca yang berbeza.

Saya telah menggunakan triangulasi kaedah, masa, tempat dan sumber. Untuk triangulasi kaedah saya telah memilih kaedah pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Bagi triangulasi masa pula saya telah memilih seawal pagi persekolahan, waktu sebelum rehat dan waktu selepas rehat. Manakala triangulasi tempat pula, saya memilih kelas, bilik j-QAF dan bilik guru. Triangulasi sumber pula, saya memilih penggunaan *Chalk & Talk*, simbol serta Warna dan Simbol (W&S).

Saya juga melakukan *cross checking* dengan dua orang rakan saya agar latihan yang diperiksa oleh saya tepat dan tidak bercanggah dengan pemeriksaan yang dilakukan oleh dua orang rakan saya itu.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Bagaimanakah kefahaman murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi berdasarkan kaedah Warna dan Simbol (W&S) berbanding kaedah ‘Chalk and Talk’?

Dalam penyelidikan ini saya telah menggunakan kaedah *Chalk & Talk* (C&T), Simbol, serta Warna dan Simbol (W&S) bagi membantu murid menguasai kemahiran menyambung huruf Jawi. Dapatan kajian telah mendapati penggunaan Warna & Simbol (W&S) untuk kedua kalinya adalah berkesan dan membantu murid dalam memahami konsep menyambung huruf Jawi itu sendiri. Jadual 4, 5, 6 dan 7 akan menerangkan sepenuhnya kefahaman murid terhadap menyambung huruf Jawi berdasarkan kaedah yang digunakan.

Jadual 4. Keputusan penggunaan Chalk & Talk

Peserta	Pencapaian
Dollah	melakukan kesalahan pada huruf <i>alif</i> , <i>nga</i> , <i>mim</i> , <i>wau</i> sukar membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung
Dadali	melakukan kesalahan pada huruf <i>alif</i> , <i>wau</i> , <i>mim</i> , <i>ya</i> sukar membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung
Farah	melakukan kesalahan pada huruf <i>alif</i> , <i>kaf</i> . keliru pada huruf <i>alif</i> dan tidak tahu bentuk huruf <i>kaf</i> apabila bersambung dengan huruf lain

Jadual 5. Keputusan penggunaan simbol sahaja

Peserta	Pencapaian
Dollah	melakukan kesalahan pada huruf <i>nga</i> , <i>mim</i> , dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung
Dadali	melakukan kesalahan pada huruf <i>mim</i> , <i>ya</i> dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung terkeliru ketika memisahkan huruf <i>wau</i> dan <i>nga</i> .
Farah	melakukan kesalahan pada huruf <i>kaf</i> . dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung keliru pada huruf <i>kaf</i> apabila bersambung dengan huruf lain

Jadual 6. Keputusan penggunaan Warna dan Simbol (W&S) I

Peserta	Pencapaian
Dollah	dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung dengan baik. bentuk huruf bersambung(<u>nga</u> , <u>mim</u>) tepat dan betul
Dadali	dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung dengan baik bentuk huruf bersambung(<u>mim</u> , <u>ya</u>)tepat dan betul terkeliru ketika memisahkan huruf <i>wau</i> dan <i>nga</i> sahaja
Farah	dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung dengan baik. bentuk huruf bersambung(<u>kaf</u>) tepat dan betul

Jadual 7. Keputusan penggunaan Warna dan Simbol (W&S) II

Peserta	Pencapaian
Dollah	dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung dengan baik. bentuk huruf bersambung(<u>nga</u> , <u>mim</u>) tepat dan betul
Dadali	dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung dengan baik bentuk huruf bersambung(<u>mim</u> , <u>ya</u>)tepat dan betul
Farah	dapat membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung dengan baik. bentuk huruf bersambung(<u>kaf</u>) tepat dan betul

Murid-murid menyambung huruf Jawi dengan betul didorong oleh simbol (+) dan (-) yang digunakan serta pelbagai warna yang dilihat oleh murid itu sendiri. Warna dan Simbol (W&S) banyak membantu murid dalam membezakan huruf tidak boleh sambung dan huruf sambung. Selain itu, ia juga mampu memberi gambaran awal pada murid mengenai bentuk ataupun pola huruf ketika disambung.

Bagaimanakah prestasi murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi setelah kaedah Warna dan Simbol (W&S) diperkenalkan?

Penggunaan Warna dan Simbo (W&S) telah membantu murid saya dalam kemahiran menyambung huruf Jawi dengan betul. Selain itu, perhatian murid tertumpu kepada aktiviti yang dijalankan oeh saya. Melalui (W&S) ini saya telah memupuk minat mereka untuk melibatkan diri di dalam aktiviti yang dirancang oleh saya. Rajah 1 menunjukkan murid-murid saya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang dirancang.



Rajah 1: Penglibatan aktif murid-murid

Selain itu, penggunaan (W&S) menjadikan pengajaran saya mudah difahami oleh murid. Murid tidak bosan dalam pengajaran saya malah mendapati mereka mudah menyambung huruf Jawi dengan betul. Ini dijelaskan melalui temu bual saya dengan Dollah pada 19 Julai 2012.

Saya	:	Bila saya ajar <i>pakei</i> (pakai) Warna dan Simbol (W&S) apakah masalah yang timbul?
Dollah	:	Mula-mula <i>kamek sik tauk</i> (saya tak tahu) warna tapi lama-lama <i>kamek</i> (saya) tahu. Gembira.
Saya	:	Apakah perasaan anda bila <i>pakei</i> (W&S) sambung huruf?
Dollah	:	Sangat gembira dan seronok bila dapat sambung huruf. (Transkrip temu bual antara saya dan Dollah, 19 Julai 2012)

Selain itu, penggunaan (W&S) membantu murid-murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi. Kaedah ini telah menarik minat mereka untuk belajar di dalam kelas. Transkrip temu bual antara saya dengan peserta kajian saya di mana mereka tertarik dengan penggunaan Warna dan Simbol (W&S) ini adalah seperti berikut.

Menurut kajian Hajijah (2008), dengan penggunaan kaedah Mesra Warna dalam P&P, ditambah pula dengan kombinasi pelbagai aktiviti seperti mewarna sambil bermain, murid begitu menunjukkan minat dan tidak mengantuk atau bosan lagi ketika mempelajari warna. Penglibatan murid dalam P&P juga adalah amat baik.

Daripada dapatan yang diperolehi jadual 8 menunjukkan prestasi ketiga-tiga peserta kajian dalam empat ujian yang dijalankan bagi melihat kualiti pembelajaran murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi.


Jadual 8. Keputusan keseluruhan hasil empat ujian.

Peserta	Chalk & Talk	Simbol	W&S I	W&S II
Dollah	1/10	6/10	10/10	20/20
Dadali	2/10	8/10	9/10	20/20
Farah	4/10	8/10	10/10	20/20

Berdasarkan jadual 8, prestasi murid sangat memberangsangkan di mana ketiga-tiga peserta kajian mendapat markah penuh dalam ujian W&S II (ujian akhir). Dua daripada tiga orang mendapat markah penuh dalam ujian W&S I. Ini menunjukkan penggunaan W&S hendaklah dilakukan sebanyak dua kali minimum bagi mendapatkan hasil kualiti murid dalam penguasaan kemahiran menyambung huruf Jawi. Bagi ujian menggunakan simbol sahaja murid terkeliru dengan bentuk-bentuk huruf apabila berada di hadapan, tengah dan hujung perkataan. Guru terpaksa menerangkan sekali lagi bentuk-bentuk huruf kepada murid. Manakala penggunaan *Chalk & Talk* sangat mengecewakan di mana murid hanya mampu menjawab satu hingga empat soalan dengan betul.

Peratusan prestasi murid dalam kemahiran menyambung huruf Jawi ditunjukkan dalam rajah 2. Prestasi Dollah dilihat telah meningkat +90% daripada ujian yang dilakukan ketika menggunakan kaedah C&T. Dollah telah mendapat markah 60% ketika hanya simbol diperkenalkan. Manakala prestasi Dadali telah meningkat

+80% pada ujian akhir dan telah mendapat 80% ketika hanya simbol digunakan. Farah pula meningkat +60% semasa ujian akhir dan telah mendapat markah 80% semasa saya menggunakan simbol dalam pengajaran. Ketiga-tiga mereka mendapat 100% dalam ujian akhir. Manakala dua daripada tiga orang murid iaitu Dollah dan Farah telah mendapat markah 100% ketika ujian menggunakan W&S kali pertama.



Rajah 2: Prestasi murid (%) dalam empat ujian.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan saya ini menunjukkan penggunaan Warna dan Simbol (W&S) dapat mempertingkatkan kemahiran murid dalam menulis dan menyambung huruf Jawi dengan betul.

Adakah amalan pedagogi guru sesuai ketika menggunakan Warna dan Simbol (W&S) dalam kemahiran menyambung huruf Jawi?

Pengajaran saya sesuai terhadap 3 orang peserta kajian yang dipilih. Penggunaan kaedah warna dan simbol sedikit sebanyak telah memberi keyakinan terhadap murid ketika menyambung huruf Jawi. Selain itu, murid berasa seronok dan senang hati ketika menyambung huruf dengan menggunakan kaedah ini.

Berdasarkan tiga kaedah yang diuji kaji oleh saya iaitu kaedah *Chalk & Talk*, Simbol serta Warna dan Simbol (W&S), penggunaan W&S dalam meningkatkan penguasaan murid menyambung huruf Jawi adalah kaedah yang paling sesuai dilaksanakan oleh saya. Dengan W&S murid-murid mampu mengingat cara menulis dan menyambung huruf Jawi dengan tanpa sebarang keraguan. Bertepatan kata pujangga Kung Fu Tze, "Saya dengar – saya lupa, saya lihat – saya ingat, saya buat – saya faham".

Semasa melakukan penyelidikan tindakan, beberapa kriteria guru yang mendorong murid untuk belajar Jawi berdasarkan soal selidik yang diberikan kepada murid. Dollah menyatakan saya mempunyai unsur kecintaan dan ceria semasa melaksanakan aktiviti menyambung huruf. Manakala Dadali pula berpendapat saya memberi motivasi, nasihat serta pujian dalam P&P. Farah pula menyuarakan

bahawa saya seorang serius (tegas) namun baik semasa mengajar. Menurut pandangan saya, saya harus mempertingkatkan amalan pedagogi yang terkini bagi memastikan pengajaran saya relevan kepada murid-murid khususnya.

Refleksi Penilaian Tindakan

Setelah melaksanakan penyelidikan tindakan ini, saya mendapati bahawa penggunaan Warna dan Simbol (W&S) dalam kemahiran menyambung huruf Jawi bagi Tahun 3 adalah berkesan dan berjaya. Kajian Mahani (2010) membuktikan penggunaan simbol (+) dan (-) mampu memberi gambaran awal kepada dalam membezakan huruf yang boleh sambung dan tidak sambung. Manakala kajian Hajjiah (2008) membuktikan Kaedah Mesra Warna membantu murid dalam memahami konsep warna itu sendiri.

Penggunaan W&S berjaya membantu murid-murid saya dalam menyambung huruf Jawi. Menurut kajian Hajjiah (2008), dengan penggunaan kaedah Mesra Warna dalam P&P, ditambah pula dengan kombinasi pelbagai aktiviti seperti mewarna sambil bermain, murid begitu menunjukkan minat dan tidak mengantuk atau bosan lagi ketika mempelajari warna. Penglibatan murid dalam P&P juga adalah amat baik. Tumpuan murid dalam aktiviti P&P berada di tahap cemerlang sehingga murid yang merasakan waktu belajar adalah terlalu singkat.

Menurut Syed Lutfi (1994) dalam Azman (2008), guru adalah ejen perubahan. Guru berperanan menentukan perubahan-perubahan dalam objektif, matlamat, hala tuju dan wawasan selaras dengan perkembangan yang wajar supaya berpaksikan suatu konsep ilmu dan pendidikan yang sebenar. Sifat inovatif memainkan peranan yang penting. Guru yang inovatif biasanya peka dan mampu memperkenalkan sesuatu yang baharu atau mengubahsuai sesuatu.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Sesungguhnya banyak pengalaman yang telah saya perolehi dalam menjalankan kajian tindakan ini. Antaranya adalah saya dapat mengetahui amalan pengajaran sendiri sama ada berkesan ataupun kurang berkesan, seterusnya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya iaitu dengan melakukan penambahbaikan dan perubahan dalam amalan pengajaran agar menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.

Melalui penyelidikan tindakan yang dijalankan juga, saya dapat mengesan kelemahan pelajar serta mencari strategi dan kaedah yang sesuai bagi membantu meningkat kemahiran menulis Jawi dalam kalangan pelajar. Dengan ini secara tidak langsung, saya dapat mengubah amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mengikut tahap dan kemampuan pelajar. Daripada hasil kajian ini juga, saya mendapati penggunaan kaedah dan strategi yang sesuai dan pelbagai amat membantu dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan dan menarik.

Cadangan Tindakan untuk Kitaran yang Seterusnya

Berdasarkan hasil dapatan kajian, saya ingin meneruskan kajian saya kepada menukarkan huruf rumi kepada huruf Jawi terlebih dahulu sebelum menyambung huruf Jawi menggunakan Warna dan Simbol (W&S). Kajian Mahani (2010) membuktikan penggunaan simbol (+) dan (-) mampu memberi gambaran awal kepada dalam membezakan huruf yang boleh sambung dan tidak sambung.

Selain itu, saya juga ingin meneruskan kaedah ini terhadap semua tahun persekolahan iaitu dari tahun satu hingga tahun enam. Penyelidikan yang akan datang juga diteruskan di sekolah yang lain yang mana mempunyai masalah yang sama dalam penguasaan menyambung huruf Jawi.

Saya juga berminat untuk meneruskan penyelidikan saya menggunakan Warna dan Simbol (W&S) dalam bidang Pendidikan Al-Quran. Ini bagi memastikan diri saya memenuhi tuntutan guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan ilmu pengetahuan yang tepat dan benar.

RUJUKAN

- Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin. (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Azman, M. S. (2008). *Pengajian Agama Islam dan j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan Islam*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep & Amalan dalam Pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Hajjiah, H. (2008). *Kaedah Mesra Warna (Di Kalangan Murid Tingkatan Lima)*, Kajian dibentangkan pada Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar.
- Mahani Sanudin. (2010). Mempertingkatkan Kemahiran Mengenal dan Menyambung Huruf Jawi Menggunakan Teknik Avu Zar Zad dan Permainan. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2010 Kumpulan Pengajian Pendidikan Islam*. 27 – 36.
- Nik Rosila, N. Y. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 22, 161 – 172.
- Othman, L. (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Syaharom, A. (1990). *Panduan Amali untuk Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.